

TATACARA DAN GARIS PANDUAN TUNTUTAN TRANSKRIP DAN SIJIL DIPLOMA PROGRAM KYPJ

- Pelajar semester akhir Program KYPJ yang akan menamatkan pengajian dan pelajar yang akan menjalani latihan industri/praktikal pada semester depan dikehendaki membuat permohonan bergraduasi diploma mulai pada minggu ke 12 perkuliahan.
- Pelajar yang pernah membuat permohonan tetapi tidak berjaya menamatkan pengajian dikehendaki membuat permohonan semula. Permohonan yang telah dibuat pada semester sebelumnya tidak diambilkira.
- Cetakan nama penuh graduan di dokumen adalah berdasarkan Borang Permohonan bergraduasi yang dihantar oleh pelajar. Manakala bagi pelajar yang tidak menghantar borang tersebut, maklumat graduan akan diambil Melalui Sistem Maklumat Pelajar (Sistem *Online*).
- Sehubungan itu, semua graduan mesti memastikan nama dan nombor kad pengenalan adalah betul dan tepat. Manakala alamat surat-menyurat perlu dikemaskini sebelum tamat bagi memudahkan urusan pengeposan surat jemputan ke majlis konvokesyen. (Sila berhubung dengan unit Rekod, Bahagian Akademik).
- Para graduan perlu mengemukakan dokumen pengenalan diri (Kad Pengenalan/Kad Matrik) semasa mengambil Transkrip dan Sijil Diploma. Pelajar perlu memastikan perkara berikut :
 - (i) Memulangkan semua buku yang dipinjam di Perpustakaan KYPJ.
 - (ii) Memastikan semua bayaran/hutang tertunggak telah dilangsaikan kepada Bendahari KYPJ.
 - (iii) Melengkapkan pengesahan kajian pengesanan graduan di Unit ALUMNI KYPJ.
- Pengambilan bagi pihak wakil atau melalui pos tidak digalakkan atas dasar keselamatan dan kerahsiaan. Selain itu juga, tiada jaminan yang dokumen ini akan sampai ke tangan graduan, pihak KYPJ tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kerosakan atau kehilangan dokumen berkenaan.
- Sekiranya permohonan Sijil Diploma dan Transkrip perlu dituntut melalui wakil, tatacara adalah seperti berikut :
 - (i) Mengisi Surat Kuasa Pengambilan Transkrip/Diploma dan Borang Permohonan Transkrip dan Sijil Diploma di Bahagian Akademik, KYPJ.
 - (ii) Wakil graduan perlu mengemukakan salinan kad pengenalan bagi tujuan pengesahan dan salinan kad pengenalan graduan.
- Graduan dinasihatkan untuk mengambil sijil diploma dan transkrip dalam tempoh tidak lebih 1 tahun kerana dokumen tersebut adalah penting. Graduan diminta untuk menyimpan dokumen dengan cermat dan selamat.
- Sekiranya terdapat kehilangan/kerosakan pada transkrip atau sijil diploma, caj akan dikenakan berdasarkan **Pekeliling Akademik Bil. 1 tahun 2014-Caj Pengambilan Sijil Diploma/Transkrip oleh graduan tidak hadir Majlis Konvokesyen dan caj kehilangan Sijil Diploma/Transkrip Asal KYPJ.**